

Krisis politik Kelantan: 'Biar rakyat menilainya'

19 NOV 1977

DATO SERI Dr. Mahathir Mohamad mahu rakyat sendiri menilai sejauh mana terjejasnya perhubungan antara Umno dan Pas berikutan krisis politik Kelantan.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Naib Presiden Umno Malaysia itu berkata: "Rakyat boleh menilai dan menentukan perkara ini."

"Saya tidak mahu komen apa-apa tentang perhubungan antara Umno dan Pas sekarang," kata Dato Seri Dr. Mahathir dalam pertemuan dengannya petang ini.

Beliau berpendapat, adalah lebih adil lagi rakyat sendiri membuat penilaiannya.

Katanya, rakyat juga boleh menilai setakat mana pembangunan Orangorang Melayu telah tercapai.

Beliau menegaskan perhubungan antara Umno dan Pas

KUALA LUMPUR, Jumaat

memerlukan tindakan kedua pihak.

Ditanya sikap Umno terhadap kedudukan Pas di dalam Barisan Nasional, Dato Seri Dr. Mahathir berkata: "Memang kita suka Pas kekal dalam Barisan Nasional."

Menurutnya, pihak Barisan Nasional sendiri belum lagi mengkaji mengenai perkara tersebut.

Tegasnya, terpulanglah kepada Barisan Nasional menentukan sikap mengenai perkara tersebut kerana itu masalahnya.

"Saya juga tidak berhak membuat sebarang komen dalam hal ini," ujarnya.

Kepada pertanyaan lain, Dato Seri Dr. Mahathir berkata Umno tidak ada membuat sebarang keputusan sikap dalam perkara ini.

Beliau mengaku fasal-14 Perlembagaan Barisan Nasional ada menyebut bahawa Dewan Tertinggi mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib, menggantung atau memecat mana-mana parti anggota yang melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan Barisan Nasional.

"Tetapi itu terpulanglah kepada Barisan Nasional menentukan se-muanya," katanya.

Mengenai dakwaan setengah pihak bahawa Umno cuma campurtangan dalam krisis Pas di Kelantan, Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan: "Umno tidak pernah campurtangan dalam masalah dan uru-

san mana-mana parti politik, kita juga tidak sekali-kali campurtangan dalam urusan Pas, itu masalah Pas dengan Pas."

Berhak

Katanya, krisis itu telah melibatkan kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya, maka Umno sebagai parti yang turut bertanggungjawab di negeri itu berhak bersuara dan mengeluarkan pendapat.

Perlu diingat, tam-bahnya, Umno juga mempunyai wakil-wakilnya di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan yang turut bertanggungjawab terhadap sebarang kedudukan dan kepentingan negeri dan rakyat.

Dato Seri Dr. Mahathir bertanya: "Mengapa krisis saumpama itu tidak berlaku di lain tempat seperti di Pulau Pinang?"

Beliau enggan mengulas mengenai usul-usul undi tidak percaya terhadap Menteri Besar Kedah dan ke atas Ketua Barisan Nasional Negeri Sembilan yang akan dibawa oleh Pas negeri berkenaan di dalam Dewan Undangan Negeri.